

UMNO diminta teliti semula penguasaan ekonomi Melayu 30%

UM 2.1 JUN 2003

KUALA LUMPUR 20 Jun — UMNO diminta meneliti semula penguasaan ekonomi orang Melayu supaya tidak terikat kepada hanya 30 peratus sahaja, sebaliknya perlu mencapai kuota sehingga 70 peratus.

Wakil UMNO Kedah, Dr. Ku Abdul Rahman Ku Ismail berkata, parti itu perlu melakukan apa sahaja bagi mencapai hasrat berkenaan.

“Buatlah apa sahaja, termasuk merumuskan strategi, kaedah dan pendekatan baru supaya dapat, menjayakan agenda besar itu,” katanya.

Beliau berkata, sekiranya masalah meningkatkan penguasaan ekonomi itu digagalkan oleh kontraktor-kontraktor kelas A bumiputera yang menjual projek, mereka perlu disenaraihitamkan.

Ku Abdul Bahman, dari UMNO Bahagian Yan berkata demikian semasa berucap menyokong usul ekonomi pada Perhimpunan Agung Tahunan UMNO Ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Membantutkan

Beliau meminta supaya kajian menyeluruh dilakukan untuk mengetahui masalah sebenar yang membantutkan penguasaan itu.

Beliau berkata, melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB), pencapaian ekonomi orang Melayu telah dapat ditingkatkan daripada 2.4 peratus kepada 19.1 peratus sekarang.

Wakil Kedah itu berkata, sepatutnya kuota 30 peratus itu telah dicapai pada tahun 1990 lagi.

“Kita harus bertanya, bukan

sahaja kepada kerajaan, tetapi kepada orang Melayu mengapa kita gagal capai 30 peratus itu, adakah kita tidak berkemampuan atau kita tidak bersungguh-sungguh hendak mencapainya,” tambahnya.

Sungguhpun penguasaan yang ditetapkan gagal dicapai, beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir mohamad telah melakukan segala-galanya sehingga kedudukan sekarang ini dapat dicapai.

Dalam usaha membantu meningkatkan penguasaan selanjutnya, beliau berkata, orang Melayu perlu cemerlang dalam pendidikan, menguasai bahasa Inggeris dan teknologi maklumat (IT) serta menjurus kepada ekonomi pengetahuan (k-ekonomi).